

## **LAPORAN SISTEM E-KONSULAR - (E-CONSULAR SYSTEM)**

1. Pelaksanaan sistem e-Konsular ternyata telah membantu dalam usaha mempermudahkan kerja-kerja Bahagian Konsular khususnya dari segi perkhidmatan permohonan Sijil Kelakuan Baik, Sijil Pelepasan Keluar Negeri dan Pendaftaran Rakyat Malaysia di Luar Negara.
2. Sistem e-Konsular diharap dapat ditambah baik secara berterusan berdasarkan kehendak pelanggan seiring dengan perkembangan teknologi pembangunan laman web bagi memastikan perkhidmatan yang lebih berkesan dalam pemprosesan permohonan-permohonan yang semakin meningkat daripada orang awam.
3. Dari Januari 2012 hingga Mei 2012, Bahagian Konsular telah menerima sebanyak **13,026** permohonan melalui e-Konsular dengan pecahan seperti berikut:-
  - 3.1. **12,525** permohonan Sijil Kelakuan Baik (SKB);
  - 3.2. **3** permohonan Sijil Pelepasan Keluar Negeri; dan
  - 3.3. **498** permohonan bagi Pendaftaran Rakyat Malaysia di Luar Negara.
4. Secara keseluruhan, sehingga Mei 2012, Sistem e-Konsular telah dilaksanakan pada tahap yang memuaskan. Bahagian secara berterusan bekerjasama dengan Bahagian ICT dalam usaha menambah baik keberkesanan Sistem e-Konsular.

***Bahagian Konsular***  
***7 Jun 2012***